



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**PROGRAM SEKOLAH ANGKAT MADANI JTKSM 2026: PERUNTUKAN RM140,000
PERKUKUH PRASARANA FIZIKAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR**

1. Majlis Peluncuran Program Sekolah Angkat MADANI, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) Tahun 2026 di Sekolah Menengah Kebangsaan Layang-Layang, Kluang, Johor telah disempurnakan oleh **Tuan Haji Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah JTKSM** hari ini.
2. Pemilihan sekolah ini sebagai Sekolah Angkat MADANI JTKSM merupakan salah satu inisiatif Kerajaan yang mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Program ini bertujuan menyokong pembangunan dan kesejahteraan sekolah melalui kerjasama strategik antara agensi Kerajaan dan institusi pendidikan. Secara keseluruhannya, program ini melibatkan peruntukan bernilai **RM140,000.00** yang merangkumi penambahbaikan kemudahan fizikal sekolah serta pelaksanaan program pembangunan pelajar bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang lebih kondusif.
3. **Pecahan Peruntukan & Pembiayaan Program:**
 - **Peruntukan JTKSM:** RM100,000.00 (bagi kerja-kerja baik pulih fizikal dan program pembangunan pelajar)
 - **Sumbangan TalentCorp:** RM40,000.00 (khusus bagi pembinaan pentas sekolah)
4. **Skop Pelaksanaan Projek & Infrastruktur Fizikal:**
 1. **Baik Pulih & Naik Taraf Dewan Terbuka Serta Bangunan Sekolah:**
 - Membina *awning* di antara dewan terbuka dan kantin sekolah lengkap dengan salur air.
 - Membina penutup longkang demi keselamatan warga sekolah.

- Menambah binaan simen dan kerja-kerja *render* mengikut aras/level yang ditetapkan.
- Melaksanakan kerja baik pulih lantai pelajar serta kerja-kerja *skirting* bangunan sekolah.

2. Program Pembangunan Pelajar:

- Pelaksanaan aktiviti bersesuaian yang dirangka khas bagi menyokong pembangunan sahsiah, mencungkil potensi, dan memelihara kesejahteraan pelajar secara menyeluruh.

3. Pembinaan Pentas Sekolah:

- Pembinaan pentas baharu disokong melalui sumbangan daripada Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) bagi menambah baik kemudahan sekolah serta menyediakan ruang yang bersesuaian untuk pelaksanaan aktiviti rasmi, kokurikulum, dan program sekolah.

4. Sumbangan dan kerjasama strategik antara JTKSM dan pihak TalentCorp ini menterjemahkan sokongan padu pihak berkepentingan dalam memperkukuh kemudahan serta prasarana sekolah demi persekitaran pembelajaran yang lebih baik bagi warga SMK Layang-Layang, Kluang, Johor.

TAMAT

Unit Komunikasi Korporat

Pejabat Ketua Pengarah

24 Ogos 2026